

NO. SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DR. ISMAIL BIN DAUT  
[ MERBOK ]**

**TARIKH : 28 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB. Dr. Ismail Bin Daut [ Merbok ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil dalam membantu membangunkan industri pelancongan di negeri Kedah.

**JAWAPAN :**     **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sentiasa membantu dalam membangunkan industri pelancongan di negeri Kedah. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11), Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM14.63 juta bagi melaksanakan tiga (3) projek pembangunan pelancongan di Negeri Kedah seperti berikut:

- i. Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Dataran Medan Bandar, Alor Setar Kedah (RM9.5 juta);
- ii. Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Pantai Murni, Bandar Yan, Daerah Yan Kedah (RM2.63 juta); dan
- iii. Projek Menaiktaraf Prasarana Taman Agroteknologi MARDI Langkawi, Kedah (RM2.5 juta).

Bagi merangsang pertumbuhan sektor pelancongan di daerah Baling, Kementerian ini menyediakan pelbagai kemudahan kepada pengusaha-pengusaha syarikat pelancongan tempatan yang berkelayakan seperti berikut :

- i. pelepasan cukai sebanyak 100% yang disediakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi pengusaha Syarikat Pengendali Pelancongan & Agensi Pengembaraan (*Tour Operating Business and Travel Agency Business – TOBTAB*) (*Inbound*) di Malaysia yang mengendalikan Pakej Pelancong Asing melebihi 750 orang dan Pakej Pelancong Domestik yang melebihi 1500 orang.

Pengusaha syarikat pelancongan tersebut perlu berdaftar dengan MOTAC di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482);

- ii. bantuan dalam bentuk pinjaman (*soft loan*) kepada TOBTAB yang berhasrat untuk mengembangkan lagi perniagaan sedia ada iaitu Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan (TPIP) dan Tabung Khas Pelancongan (TKP). Tujuan kedua-dua tabung tersebut adalah bagi membantu para pengusaha yang ingin membangunkan atau mengembangkan produk-produk pelancongan seperti premis penginapan pelancongan, kemudahan-kemudahan dan lain-lain projek yang berkaitan serta diklasifikasikan sebagai pelancongan; dan
- iii. mengeluarkan Sijil Pendaftaran Projek Pelancongan (SPPP) kepada pengusaha-pengusaha berkelayakan yang melabur dalam sektor pelancongan bagi membolehkan mereka memohon insentif pengecualian cukai daripada MIDA. Pemohonan SPPP dibuka kepada syarikat pengusaha Projek Penginapan dan Projek Bukan Penginapan yang diperbadankan di Malaysia dengan pembinaan fizikal projek pelancongan tersebut mestilah siap sekurang-kurangnya 75% daripada keseluruhan pembinaan projek.

Pada masa yang sama, Kementerian melalui Jabatan Muzium Malaysia dan Jabatan Warisan Negara juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam usaha mempelbagai, memulihara dan memelihara produk pelancongan di Kedah iaitu :

- i. menubuhkan Muzium Arkeologi Lembah Bujang di Bukit Batu Pahat, Merbok, Kedah pada 23 Januari 1980 yang merupakan satu-satunya muzium yang bersifat *in-situ* yang mempamerkan

83

koleksi arkeologi yang membuktikan kemasyhuran negeri Kedah. Muzium ini telah menjadi salah satu destinasi pelancongan wajib dikunjungi dan telah memberi impak yang besar dalam menarik minat bukan sahaja pelancong malah para arkeologi, penyelidik dan juga pengkaji sejarah ke negeri Kedah. Statistik pelawat dari tahun 2015 hingga 2017 menunjukkan trend peningkatan secara konsisten dengan jumlah 546,411 orang pelawat pada tahun 2017;

- ii. membangunkan Kawasan Warisan Lembah Bujang dengan kerjasama Pihak Berkuasa Negeri Kedah dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (*Northern Corridor Implementation Authority* – NCIA). Penganjuran *Kedah Tua International Conference 2016* (KTIC 2016) pada 19 hingga 23 Mei 2016 yang bertujuan untuk mempromosi dan menyebarkan pengetahuan tentang Lembah Bujang telah memberi impak tinggi kepada negeri Kedah dan Malaysia khususnya kepada kehadiran pelancong dari dalam dan luar negara. Bagi penganjuran tersebut, pakar-pakar tamadun dari 14 buah negara turut dijemput sebagai penceramah yang terdiri daripada Amerika Syarikat, Cambodia, China, Filipina, Indonesia, Jepun, Laos, Mesir, Myanmar, Nepal, Pakistan, Thailand, United Kingdom dan Vietnam. Kedatangan ramai pakar luar negara turut memberikan kelebihan perkongsian maklumat dalam aspek berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan tapak Lembah Bujang;
- iii. mewartakan tapak warisan di negeri Kedah iaitu Tapak Arkeologi Sungai Batu, Kota Kuala Kedah, Sekolah Kebangsaan Tunku Putra Baling dan Pejabat Pos Besar Alor Setar. Pewartaan bukan sahaja dapat melindungi tapak-tapak tersebut bahkan memberikan nilai tambah kepada tapak tersebut; dan

- 80
- iv. menjalankan kerja-kerja konservasi tapak bersejarah seperti pemuliharaan Masjid Lama Pengkalan Kakap, Bangunan Mahkamah Lama Kota Kuala Kedah dan Kubu Perang Jepun di Kepala Batas.

Dalam usaha memartabat dan menyemarakkan seni dan budaya pelbagai kaum di seluruh negara Kementerian melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) sentiasa menganjurkan program dan aktiviti seni budaya bagi menarik minat pelancong ke negeri Kedah. Di antara program dan aktiviti seni budaya yang telah dilaksanakan di negeri Kedah adalah seperti berikut;

- i. Program Merakytakan Seni Budaya Khas "Festival Lesung Kedah pada 26 hingga 28 Mei 2016 di Muzium Padi;
- ii. Program MySeni Budaya: MekMulung@Sintok di Sintok pada 6 hingga 7 Oktober 2017;
- iii. Persembahan Berkala oleh Kumpulan Kesenian JKKN dan BBK (Badan Bukan Kerajaan) seni budaya sebanyak 32 kali sepanjang tahun 2016 dan 20 kali pada tahun 2017 di Kompleks JKKN Kedah;
- iv. Festival Teater Malaysia pada 20 hingga 26 November 2016 di Auditorium JKKN Kedah;
- v. Festival Teater Negeri pada 9 hingga 12 Ogos 2017 di Auditorium JKKN Kedah;
- vi. Festival Bimbingan Seni Budaya pada 12 November 2016 di Auditorium JKKN Kedah; dan
- vii. Program Perantisan Menora di Kampung Kalai, Jeniang, Gurun pada tahun 2017.

Bagi tahun ini, penganjuran program dan aktiviti seni dan budaya ini akan diteruskan seperti berikut:

- i. Persembahan Kesenian Sempena Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Tahun Baru China pada 1 hingga 3 Mac 2018 di Sungai Petani;
- ii. Program Semarak Seni Budaya "Interaksi Seni" pada 27 – 28 April dan 10 – 11 Ogos 2018 di Kompleks JKKN Kedah;
- iii. Program MySeni Budaya: Mek Mulung@Festival Oghang Kedah pada 5 hingga 6 Oktober 2018 di Felda Sungai Tiang, Pendang Kedah; dan
- iv. Persembahan Berkala "*The Colours Of Kedah*" oleh Kumpulan Kesenian JKKN dan BBK seni budaya sebanyak 20 kali di Aman Central, Alor Setar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, Kementerian melalui Tourism Malaysia melaksanakan pelbagai usaha bagi mempromosikan industri pelancongan di negeri Kedah seperti berikut:

- i) pelaksanaan program *megafam* dengan mempelawa wakil-wakil media dan para pengusaha pelancongan antarabangsa untuk menyertai program-program pelancongan supaya ia dapat dipromosikan di luar negara. Sebagai contoh:
  - a. lawatan ke Sungai Petani sempena Majlis Rumah Terbuka Malaysia Tahun Baru Cina yang bakal berlangsung dari 1 hingga 3 Mac 2018 yang melibatkan wakil agensi pelancongan, syarikat penerbangan dan media daripada negara ASEAN; dan

- b. *Eco-Fam Trip* ke Negeri Kedah pada 14 Januari 2018 hingga 19 Januari 2018 yang melibatkan 20 orang media termasuk *blogger* (15 orang dari negara China, Filipina, Indonesia, Singapura dan lima (5) orang media tempatan);
- ii) Mengadakan bengkel dan seminar membantu pengusaha pelancongan membangunkan pakej-pakej yang lebih menarik dan berdaya maju selaras dengan Tahun Melawat Malaysia 2020 dengan menekankan konsep '*preserve & protect*' dan '*ecotourism*'. Sebagai contoh, Bengkel Pembangunan Pakej Kuala Muda & Yan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Sungai Petani pada 25 Januari 2018 di Hotel Park Avenue, Sungai Petani;
- iii) Membawa masuk krew-krew penggambaran televisyen untuk membuat liputan serta membuat penggambaran di Pulau Langkawi untuk mempromosi produk pelancongan yang terdapat di sana. Sebagai contoh, Penggambaran Program Rencana Pelancongan bagi pasaran negara Brunei oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) pada 9 hingga 13 Februari 2018;
- iv) Bekerjasama dengan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) bagi penganjuran PATA (Persatuan Pengembaraan Asia Pasifik) Travel Mart yang bakal menghimpunkan lebih 3,000 pemain industri pelancongan dari 70 negara mulai 12 September 2018 sehingga 15 September 2018 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), Pulau Langkawi;
- v) Mempromosikan acara-acara pelancongan tahunan negara yang tersenarai dalam Kalendar Acara Pelancongan Negara

(*Calendar of Events*) berdasarkan minat dan pasaran bagi membolehkan pelancong tertarik dengan negara. Bagi negeri Kedah, acara-acara pelancongan seperti *Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA)* yang diadakan setiap dua tahun, *Royal Langkawi International Regatta (8 hingga 13 Januari 2018)* dan *IRONMAN 70.3 Langkawi (17 November 2018)* bakal menjadi tarikan utama pelancong;

- vi) Mempromosikan pakej pelancongan ke negeri Kedah melalui risalah "*Cuti-Cuti 1Malaysia 1001 Packages*" yang turut dimuat naik ke laman web Tourism Malaysia;
- vii) Melaksanakan kempen pengiklanan tematik dan taktikal melalui media cetak dan elektronik termasuk melalui media sosial; dan
- viii) Menyebarkan maklumat mengenai produk pelancongan negeri kepada pelancong melalui Pejabat Wilayah Tourism Malaysia Negeri dan 22 buah Pusat Penerangan Pelancongan (*Tourist Information Centre*) di seluruh negara serta melalui laman web Tourism Malaysia.

Kesan limpahan (*spillover effects*) daripada pelaksanaan pelbagai usaha oleh Kementerian ini secara tidak langsung telah membantu dalam meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat tempatan. Misalnya, pelaksanaan Program Pengalaman Homestay Malaysia oleh 15 pengusaha di negeri Kedah telah berjaya menjana pendapatan tahunan sebanyak RM673,573 pada tahun 2017.



Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan terus memperkasakan usaha dan promosi serta mengalu-alukan sebarang cadangan dalam meningkatkan industri pelancongan di negeri Kedah.

Sekian, terima kasih.